

# Segera selesai sempadan

UM 23 AUG 2003

**P**UTRAJAYA 22 Ogos — Malaysia berharap isu sempadan dengan Brunei dapat diselesaikan segera supaya ia menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia sudah menghantar formula penyelesaian berhubung perkara itu kepada Brunei dan menunggu maklum balas dari negara itu.

“Kalau boleh kita mahu isu ini diselesaikan sege-

ra, lebih cepat lebih baik,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, di sini hari ini.

Menurut Syed Hamid, kedua-dua pihak mahu perkara yang membabitkan sempadan laut dan darat itu diselesaikan segera kerana ia sudah lama tertangguh di samping melibatkan kepentingan ekonomi kedua-dua negara.

Bagaimanapun katanya, disebabkan banyak perkara yang perlu diberi pertimbangan, maka ia masih belum dapat diputuskan.

## Keputusan

“Kita mahu keputusan yang memuaskan semua pihak,” katanya.

Isu persempadanan antara Malaysia-Brunei timbul apabila wujud tuntutan bertindih ke atas dua blok pesisir dalam zon ekonomi eksklusif (EEZ).

Kedua-dua blok pesisir tersebut yang seluas 10,000 kilometer iaitu Blok K dan Blok J yang masing-masingnya diberi kepada Royal DutchShell dan Total oleh Brunei untuk kerja-kerja cari gali minyak.

Royal DutchShell mengetuai konsortium terdiri daripada Mitsubishi dan ConocoPhillips manakala Total pula mengetuai konsortium Amerada Hess (AS) dan BHP Billiton (Australia).

Bagaimanapun, Malaysia yang menamakan blok di kawasan yang sama sebagai Blok L dan M, memberikannya kepada syarikat Amerika, Murphy Oil dan Petronas Carigali.

Selain itu, Brunei juga dikatakan turut menuntut wilayah Limbang di Sarawak yang membelah di tengah-tengah negara itu.

Menurut Syed Hamid, Malaysia telah menyerahkan formula kepada Brunei sewaktu pertemuan

## Malaysia-Brunei

antara Perdana Menteri dan Sultan Brunei di Pulau Pinang, pada 24 Mei lalu.

Bagi pihak Malaysia, kata Syed Hamid, isu itu hanya melibatkan persempadanan laut sahaja.

“Kedua-dua pihak mahu perkara ini diselesaikan, tetapi ada perkara yang masih perlu diperjelaskan,” katanya.

Malaysia juga, katanya, percaya kepada penyelesaian melalui rundingan yang memberikan keun-

tungan kepada semua pihak.

“Kita mahukan penyelesaian yang menang-menang, oleh itu kedua-dua pihak boleh menerimanya. Kita mahu Brunei selesa dan pada masa yang sama selari dengan kepentingan Malaysia,” ujarnya.

Mengenai pertemuan susulan selepas ini, beliau berkata, tiga pertemuan peringkat pegawai telah diadakan dan sehingga kini tidak ada keperluan

untuk adakan pertemuan berikutnya.

Pada masa sekarang katanya, Malaysia masih menunggu maklum balas daripada Brunei berhubung formula yang telah dikemukakan di Pulau Pinang.

Mengenai aktiviti di kawasan yang terbabit, Syed Hamid berkata, biasanya jika ada pertindihan, kedua-dua pihak tidak akan melakukan apa juga aktiviti.